

SOALAN NO: 59

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi
[Sungai Besar]

SOALAN : Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

adakah terdapat bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian bagi membantu nelayan menyediakan sistem GPS pada bot dan kapal mereka agar kejadian penahanan nelayan akibat menangkap ikan di perairan negara jiran tidak berlaku lagi pada masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menguatkuasakan penggunaan *Vesel Monitoring System* (VMS) berasaskan *Automatic Identification System* (AIS) pada tahun 2014 sebagai salah satu syarat lesen bagi semua vesel pukat tunda zon B dan C. Dalam pada itu, Jabatan Perikanan Malaysia turut mewajibkan pemasangan *Mobile Tracking Unit* (MTU) kepada semua vesel zon C2 dalam usaha untuk memantau semua pergerakan vesel-vesel penangkapan ikan.

Kementerian ini pada tahun 2015 telah diperuntukkan sejumlah RM17 juta bagi perolehan 2,630 unit peralatan AIS kepada semua vesel pukat tunda zon B di seluruh Malaysia. Selain daripada peruntukan tersebut, semua pemasangan VMS, AIS dan MTU adalah ditanggung oleh pemilik vesel masing-masing.

RT06/60

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Fong Kui Ling [Bukit Bintang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah tegas Kerajaan untuk membanteras kegiatan membuli pelajar di setiap peringkat memandangkan tahap disiplin pelajar semakin merosot dan kegagalan pihak sekolah dan IPT menyelesaikannya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Secara relatifnya kes buli di sekolah sangat kecil, namun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah memandang ringan terhadap masalah disiplin dalam kalangan murid termasuk isu buli. KPM serius menangani buli melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan kerjasama padu dengan semua pihak yang berkepentingan serta bersedia membantu agensi berkaitan memantapkan perundangan berkaitan kes juvenil di luar sekolah.

RT06/60